

SMK Derma juara CIP KPS

Oleh IKHWAN IDERIS
ikhwani.ideris@kosmo.com.my

SERDANG – Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Derma, Perlis muncul juara keseluruhan dalam pertandingan Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP. KPS) Peringkat Kebangsaan 2013 yang berakhir semalam.

Sekolah tersebut yang mengalahkan 15 buah sekolah lain pada peringkat akhir berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) membawa pulang sijil, piala pusingan, piala iringan dan wang tunai RM2,500.

Tempat kedua disandang oleh Sekolah Sultan Alam Shah dari Putrajaya manakala Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol, Negeri Sembilan menduduki tempat ketiga.

CIP KPS anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) merupakan pertandingan ala explorace



SMK DERMA dari Perlis menjuarai pertandingan CIP KPS anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang berlangsung di UPM semalam.

yang menguji pengetahuan, kecekapan dan kerjasama peserta dari pelbagai aspek kepenggunaan seperti pemakanan sihat, pe-

ngurusan kewangan, pemeliharaan alam sekitar serta asas perundungan pengguna.

Timbalan Ketua Setia-

usaha KPDKKK, Datuk Mohd. Arif Abd. Rahman berkata, cabaran kali ini menerima sambutan menggalakkan dengan pe-

nyertaan daripada 977 buah sekolah menengah dari seluruh negara dan melibatkan 3,908 orang pelajar.

"CIP KPS merupakan kesinambungan daripada pertandingan Kuiz Pengguna Antara Sekolah Menengah yang diadakan sejak tahun 1992 bagi memberikan pendekatan yang lebih interaktif dan sesuai dengan golongan muda.

"Cabarani ini telah dimasukkan dalam kalender tahunan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan untuk tahun hadapan kami berhasrat untuk memperkenalkan elemen-elemen keusahawanan seperti sistem francais bagi memberi pendedahan kepada pelajar kepada dunia perniagaan," kata beliau pada Majlis Penutup CIP KPS 2013 di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran dan Timbalan Ketua Pengarah KPM, Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof.